



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **KEDUDUKAN PUASA YANG MASIH TERTANGGUNG KE ATAS ORANG YANG MENINGGAL DUNIA**

### **(BAHAGIAN AKHIR)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

2. **Membayar fidyah**, iaitu satu *mudd* atau satu cupak makanan asasi, seperti beras, bagi setiap hari yang ditinggalkan. Kadar satu *mudd* itu bersamaan 15 tahil atau 566.991 gram. Maka satu *mudd* itu menggantikan satu hari puasa yang luput itu.

Dalil yang mengharuskan untuk mengeluarkan atau membayar fidyah adalah berdasarkan hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma*:

( )

**Maksudnya:** “Sesiapa yang meninggal dunia dan (tertanggung) ke atasnya puasa satu bulan (yang wajib diqadha), maka hendaklah seseorang bagi pihaknya (si mati) memberi makan seorang miskin sebagai ganti setiap satu hari (puasa yang luput).”

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Menurut syarah hadits di atas, yang dimaksudkan untuk memberi makan itu ialah wali si mati. Oleh yang demikian, setiap satu hari puasa yang luput itu hendaklah dikeluarkan fidyah, iaitu memberi makan orang miskin sebanyak satu cupak beras.

Jika si mati ada meninggalkan harta pusaka, maka fidyah itu hendaklah diambil daripada hartanya sebelum pembayaran hutang manusia dan pembahagian harta kepada ahli waris. Sebaliknya jika si mati tidak ada mempunyai harta pusaka, maka fidyah itu tidak diwajibkan ke atas si mati.

### **Permasalahan berkaitan**

- (a) Ulama telah sepakat hanya orang yang sudah meninggal dunia sahaja yang boleh dilakukan puasa bagi pihaknya sebanyak puasanya yang luput. Orang yang masih hidup, walaupun berputus asa (tidak berupaya) untuk mengerjakan puasa, tetap tidak dibolehkan bagi pihak lain berpuasa bagi pihaknya.
- (b) Terdapat pengecualian dalam perkara di atas, sekiranya si mati menjadi murtad (keluar daripada agama Islam) sebelum dia meninggal dunia, maka tidak diharuskan untuk berpuasa bagi pihak si mati yang murtad.
- (c) Dalam keadaan si mati tiada meninggalkan harta pusaka, masih diharuskan bagi wali atau *ajnabiy* (bukan wali atau kerabat si mati) untuk membayar fidyah daripada harta mereka sendiri. Namun bagi *ajnabiy*, keharusan mengeluarkan fidyah daripada hartanya sendiri disyaratkan hendaklah dengan keizinan wali si mati.
- (d) Orang yang tertanggung ke atasnya kewajipan puasa tidak termasuk orang yang sangat tua yang tidak lagi berdaya untuk berpuasa, atau orang yang sangat sakit dan tidak ada harapan sembuh. Ini kerana mereka memang pada asalnya diwajibkan mengeluarkan fidyah sahaja dan sekali-kali tidak dituntut untuk berpuasa.

## Siapa Yang Dbolehkan Berpuasa Bagi Pihak Orang Yang Meninggal Dunia?

Menurut ulama, 'wali' kepada si mati diharuskan untuk berpuasa bagi pihak si mati. Yang dimaksudkan dengan wali si mati itu termasuk kerabat (ahli keluarga) kepada si mati yang tidak hanya terhad kepada waris atau yang menerima *ashabah*. Maka dapat difahami bahawa individu yang akan mengerjakan puasa untuk si mati itu terdiri daripada lelaki dan perempuan.

Ini berdasarkan hadits daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* bahawa seorang perempuan telah datang bertemu Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* lalu berkata:

:

( )

**Maksudnya:** *“Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia, dan (tertanggung) ke atasnya puasa nazar. Apakah (boleh) aku berpuasa bagi pihaknya (ibuku)?”*

*Bersabda (Rasulullah): “(Lakukanlah) puasa bagi pihak ibumu.”*  
(Hadits riwayat Muslim)

Kemudian disyaratkan dia seorang yang baligh dan berakal. Ini kerana jika seseorang hendak melakukan puasa bagi pihak orang lain, maka hendaklah dia terlebih dahulu menepati syarat wajib berpuasa.

## Permasalahan berkaitan

- (a) Seorang *ajnabiy* (bukan wali atau kerabat si mati) juga dibolehkan berpuasa bagi pihak si mati dengan syarat, hendaklah dia mendapat keizinan terlebih dahulu; sama ada daripada si mati; seumpama dengan berwasiat, ataupun wali si mati.
- (b) Sekiranya wali si mati menyuruh seorang *ajnabiy* untuk berpuasa bagi pihak si mati, sama ada dengan diberi upah ataupun tanpa upah, maka dengan keizinan wali tersebut hukum puasa yang dikerjakannya adalah sah. Sebaliknya jika seseorang berpuasa bagi pihak si mati tanpa mendapat keizinan, maka menurut pendapat yang sah, hukum puasa yang dikerjakannya itu adalah tidak sah.
- (c) Berdasarkan pendapat al-Hasan al-Basri *Rahimahullah*, yang juga sealiran dan bertepatan dengan *qawa'id* Mazhab asy-Syafie, jika ada tiga puluh (30) orang wali atau kerabat si mati, ataupun mereka yang mendapat keizinan dari si mati (umpamanya dengan berwasiat) atau dengan keizinan wali si mati, di mana setiap mereka ini melakukan puasa serentak dalam satu hari, maka memadai dan tertunai qadha puasa bagi pihak si mati untuk satu bulan Ramadhan (30 hari) yang ditinggalkan si mati.
- (d) Jika timbul perselisihan atau permasalahan mengenai wali, umpamanya si mati:
1. Mempunyai wali, akan tetapi terhalang daripada memberikan keizinan, umpamanya wali itu seorang kanak-kanak atau gila;
  2. Mempunyai wali, akan tetapi dilarang daripada memberi keizinan atau berpuasa;

### 3. Tidak mempunyai kerabat langsung;

Maka dalam keadaan seperti ini, ditetapkan bahawa sekali-kali tidak diqadhakan puasa si mati. Oleh yang demikian, jika si mati mempunyai harta pusaka, maka hendaklah dikeluarkan daripada harta pusaka tersebut fidyah. Sebaliknya jika si mati tiada mempunyai harta pusaka, maka wali si mati tidak dituntut melakukan apa-apa. Dengan erti kata lain, tidak dituntut mengeluarkan fidyah.

- (e) Cara melunaskan puasa nazar atau *kaffarah* juga dihukumkan serupa sepertimana puasa Ramadhan. Bermakna seseorang yang masih bertanggung ke atasnya puasa nazar atau *kaffarah* dan belum melaksanakannya sehingga meninggal dunia, maka cara walinya untuk menyelesaikan puasa nazar dan *kaffarah* yang masih bertanggung ke atasnya sama seperti yang telah dijelaskan dalam permasalahan melepaskan tanggungan puasa Ramadhan.

Sebagai kesimpulan, seseorang yang luput puasa Ramadhan disebabkan keuzuran syara' dan tidak mempunyai kesempatan untuk mengqadhanya, kemudian dia meninggal dunia **dalam tahun yang sama**, dia tidak dituntut untuk menyelesaikan qadha puasa tersebut dan tidak dihukumkan berdosa. Ini kerana jelas ketiadaan peluang untuk mengqadha puasa itu dan kelambatan mengqadha itu bukan disebabkan kecuaiannya.

Berbeza hukumnya jika puasa si mati yang luput itu ditinggalkan bukan disebabkan keuzuran syara', sekalipun dia tidak mempunyai kesempatan untuk mengqadhanya, maka dia dihukumkan berdosa dan kewajipan puasa masih bertanggung ke atasnya.

Begitu juga hukumnya jika si mati semasa hidupnya mempunyai kesempatan dan keupayaan untuk mengqadha puasa yang luput itu,

maka kewajiban puasa masih bertanggung ke atasnya, sama ada puasa yang luput itu disebabkan keuzuran syara' ataupun dengan sengkaja.

Dalam permasalahan puasa si mati yang masih bertanggung ke atasnya itu, maka yang menangani masalah ini ialah wali, kerabat atau ahli keluarga kepada si mati. Adapun *ajnabiy* (selain wali dan kerabat si mati), maka disyaratkan hendaklah ada keizinan daripada si mati, umpama dengan wasiat, atau keizinan daripada wali si mati.

Cara menyelesaikan qadha puasa pula ialah dengan dua pilihan, sama ada wali berpuasa bagi pihak si mati sebanyak hari puasanya yang luput itu atau mengeluarkan fidyah iaitu satu cupak beras (bersamaan 566.991 gram) bagi menggantikan setiap hari yang luput dan diberikan kepada golongan miskin. Jika si mati ada meninggalkan harta pusaka, maka wali wajib melaksanakan salah satu daripada keduanya. Sebaliknya, jika si mati tiada meninggalkan harta pusaka, hanya disunatkan sahaja ke atas wali melakukan sedemikian.